

PM: Elak fahaman tolak pembangunan

Um - 6/8/2004: 2 Perdana

KUCHING 5 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu membebaskan diri mereka daripada belenggu fahaman yang menolak pembangunan sehingga menyebabkan dunia Islam jauh ketinggalan.

Menurutnya, sesetengah umat Islam masih lagi percaya bahawa walaupun mereka tidak mencapai kejayaan di dunia, mereka dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi hari akhirat.

"Ada juga yang masih percaya kemajuan kebenaran tidak penting kerana semuanya telah ditakdirkan oleh Tuhan. Hasilnya dunia Islam terus ketinggalan," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat ke-12 Majlis Dakwah Islamiah Asia Tenggara dan Wilayah Pasifik (Riseap), di Hotel Holiday Inn, di sini hari ini.

"Kita (umat Islam) memiliki kekayaan semula jadi, tetapi kita tidak memanfaatkannya. Kita mempunyai sumber manusia, tetapi hanya sedikit usaha untuk membangunkannya. Kita mempunyai penganut yang ramai tetapi gagal untuk berpengaruh atau dihormati.

"Kelemahan umat Islam semakin terdedah selepas tragedi 11 September. Oleh kerana tindakan segelintir, seluruh dunia Islam digambarkan sama," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seluruh dunia Islam telah dilabel secara tidak

adil sebagai kumpulan yang mundur dan ganas.

Golongan berkenaan juga, ujar beliau, turut dengan mudah mengaitkan Islam dengan kemiskinan dan tidak bermaruah.

"Kita semua tahu ini adalah satu gambaran yang tidak adil yang dibuat oleh mereka yang jahil atau berfikiran sempit," katanya.

Abdullah berkata, jalan yang harus dilalui oleh umat Islam bukan mudah, tetapi mereka perlu memulakannya untuk mengubah pemikiran negatif itu melalui pendidikan.

Minoriti

Sehubungan itu, katanya, umat Islam, terutamanya yang merupakan golongan minoriti di negara yang majoriti adalah bukan Islam, perlu berusaha keras untuk menjadi kumpulan yang berpendidikan dan berjaya.

Usaha itu, ujar beliau, akan dapat menghindarkan umat Islam daripada menjadi sasaran syak wasangka dan prejudis penganut agama lain.

Katanya, ini kerana kejayaan yang dicapai dalam bidang ekonomi dan pendidikan akan membuat umat Islam lebih dihormati oleh masyarakat yang akhirnya akan meningkatkan keyakinan diri umat Islam untuk melibatkan diri di dalam masyarakat serta lebih berpengaruh.

"Umat Islam tidak seharusnya mengasingkan diri daripada masyarakat kerana tindakan pengasingan hanya akan menga-

kibatkan salah faham terhadap Islam," katanya.

Menurut Abdullah, banyak contoh yang boleh diambil daripada penganut agama lain yang minoriti seperti Hindu dan Buddha yang berjaya mewujudkan satu masyarakat minoriti yang dihormati oleh seluruh masyarakat.

"Saya tidak nampak mengapa umat Islam tidak dapat melakukannya seperti yang dilakukan oleh penganut Hindu dan Buddha yang mampu mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata, jika umat Islam terus mengamalkan nilai-nilai murni ajaran Islam dan membuktikan bahawa mereka sentiasa mematuhi undang-undang serta bukan ancaman kepada keselamatan negara, akhirnya mereka akan diterima oleh masyarakat.

"Saya berharap umat Islam minoriti akan dapat bekerjasama dan tidak akan membenarkan mereka diganggu halangan yang kecil dan terjerumus ke dalam konflik.

"Apa juga salah faham yang wujud di antara mereka tidak seharusnya menyimpangkan kita daripada objektif utama untuk terus maju," katanya.

Kata Abdullah, umat Islam telah banyak menghadapi cabaran dalaman dan ia tidak seharusnya ditambah dengan pelbagai lagi masalah luaran.

Katanya, memang terdapat mereka yang percaya tentang pertembungan peradaban iaitu antara Islam dan Barat.

"Mereka mendakwa tindakan keganasan dilakukan oleh sesetengah penganut Islam dan ia merupakan gambaran kepada nilai yang diamalkan oleh agama itu. Mereka mendakwa Islam tidak bertolak ansur dan menganjurkan keganasan," kata beliau.

Tegasnya, semua tuduhan itu adalah tidak benar kerana Islam itu sendiri bermakna keamanan dan menentang perbuatan ganas yang mengorbankan nyawa manusia lain.

Sumbangan

Mengulas mengenai Riseap, Abdullah berkata, majlis tersebut telah memberi sumbangan positif kepada masyarakat Islam di seluruh dunia terutamanya di bidang pendidikan.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Presiden Riseap berkata, Riseap akan mengadakan dialog di Sydney tahun depan sebagai usaha mengukuhkan hubungan di antara umat Islam dengan bukan Islam.

Abdul Taib berkata, dialog itu akan disertai oleh umat Islam dan bukan Islam dari negara Barat seperti Amerika Syarikat bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang Islam.

Riseap ditubuhkan pada November 1980 bagi membantu golongan minoriti Islam di Asia Tenggara berdakwah melalui pendidikan.